



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—
VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI
—

Akta 316

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

Sebagaimana pada 15 Julai 2016

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 oleh Jabatan Peguam Negara Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

**AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS) 1985**

Tarikh Perkenan Diraja		22 Mei 1985
Tarikh Penyiaran dalam <i>Warta</i>		30 Mei 1985
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1510 yang mula berkuat kuasa pada		15 Julai 2016

CETAKAN SEMULA TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>		2006
------------------------------------	--------	------

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 316

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1971

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA TAHANAN PENCEGAHAN

3. Kuasa menahan orang yang disyaki
4. Pemeriksaan orang yang mengetahui fakta dan hal keadaan kes
5. Pegawai Siasatan
- 5A. Kesalahan kerana tidak hadir untuk memberikan keterangan, dsb.
6. Kuasa memerintahkan tahanan dan sekatan orang
- 6A. Perintah tahanan tidak menjadi tidak sah atau tidak berkuat kuasa atas alasan tertentu
7. Penggantungan perintah tahanan
8. Tahanan atau sekatan disifatkan telah dijalani dalam tempoh pemenjaraan
9. Representasi terhadap perintah tahanan
10. Laporan Lembaga Penasihat
11. Kajian Semula
- 11A. Kuasa Menteri melanjutkan perintah tahanan, perintah sekatan, atau perintah tahanan yang digantung

Seksyen

- 11B. Kuasa Menteri membatalkan perintah tahanan atau perintah sekatan atau perintah tahanan yang digantung, atau arahan bagi perlanjutan mana-mana perintah sedemikian
- 11C. Kajian semula kehakiman akan tindakan atau keputusan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri
- 11D. Tafsiran “kajian semula kehakiman”
- 11E. Mula berkuat kuasanya seksyen 11C dan 11D
- 12. Kuasa memanggil saksi
- 13. Anggota Lembaga Penasihat disifatkan sebagai pekhidmat awam
- 14. Penzahiran maklumat
- 15. Kuasa memerintahkan pemindahan
- 16. Kuasa memerintahkan pengemukaan orang tahanan
- 17. Pendaftaran
- 18. Penghapusan nama dari daftar
- 19. Kesalahan oleh orang berdaftar
- 20. Penangkapan
- 21. Peruntukan mengenai cap jari dan gambar foto
- 22. Kuasa membuat peraturan-peraturan
- 23. Perundangan subsidiari yang dibuat, dan arahan yang diberi, di bawah Ordinan mempunyai kuat kuasa di bawah Akta ini
- 24. Penghapusan kesulitan
- 25. Akta ini tidak mengurangkan Ordinan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 316

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

[15 Jun 1985, P.U. (B) 305/1985]

BAHAWASANYA tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia telah diambil dan tindakan selanjutnya yang serupa diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat adalah perlu tindakan itu dihentikan;

MAKA, OLEH HAL YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan **MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1510*).

*(4) (*Dipotong oleh Akta A1510*).

(5) (*Dipotong oleh Akta A1510*).

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dadah berbahaya” mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*];

“Ketua Pegawai Polis” ertinya seseorang pegawai polis yang diberi kuasa oleh Ketua Polis Negara mengawal Polis Diraja Malaysia mengenai mana-mana kawasan atau Negeri dan seseorang pegawai kanan polis yang pada masa itu diberi kuasa dengan sah untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajipan yang diberikan kepada atau dikenakan atas seseorang Ketua Pegawai Polis oleh Akta ini dan, bagi Sabah dan Sarawak, termasuklah seseorang Pesuruhjaya Polis;

“Ketua Polis Negara” ertinya Ketua Polis Negara yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Polis 1967 [*Akta 344*];

“Lembaga Penasihat” ertinya suatu Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan bagi maksud Perkara itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab mengenai keselamatan dalam negeri;

“Ordinan” ertinya Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 [*Ordinan 5/1969, P.U (A) 187/1969*];

“Pegawai Penjaga Daerah Polis” mempunyai erti yang diberikan kepada ungkapan “Pegawai Penjaga Daerah Polis” oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*];

*CATATAN—Lihat seksyen 7 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2016 [*Akta A1510*] yang mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2016.

“pengedaran” mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

BAHAGIAN II

KUASA TAHANAN PENCEGAHAN

Kuasa menahan orang yang disyaki

3. (1) Mana-mana pegawai polis boleh menangkap, tanpa waran, dan menahan, bagi maksud penyiasatan, mana-mana orang yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab mempercayai bahawa ada alasan yang mewajarkan penahanan orang itu di bawah subseksyen 6(1).

(2) Mana-mana orang yang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini boleh ditahan dalam jagaan polis selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam puluh hari tanpa suatu perintah tahanan dibuat mengenai orang itu di bawah subseksyen 6(1):

Dengan syarat bahawa—

- (a) orang itu tidak boleh ditahan selama lebih dari dua puluh empat jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau yang lebih tinggi;
- (b) orang itu tidak boleh ditahan selama lebih dari empat puluh lapan jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang lebih tinggi;
- (c) orang itu tidak boleh ditahan selama lebih dari empat belas hari melainkan jika seorang pegawai polis yang berpangkat Timbalan Penguasa atau yang lebih tinggi telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan itu kepada Ketua Polis Negara atau kepada seorang pegawai polis yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara bagi maksud itu dan Ketua Polis Negara atau pegawai polis yang ditetapkan sedemikian olehnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah melaporkannya kepada Menteri.

(3) Pegawai polis yang membuat penyiasatan berkaitan dengan seseorang yang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini hendaklah menyebabkan satu salinan laporan lengkap penyiasatan itu dikemukakan—

- (a) kepada seseorang Pegawai Siasatan yang dilantik di bawah subseksyen 5(1); dan
- (b) kepada Menteri,

dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3A) Jika orang yang ditangkap dan ditahan di bawah subseksyen (1) ialah seorang yang berkenaan dengannya subseksyen 6(5) terpakai, laporan lengkap penyiasatan yang disebut dalam subseksyen (3) berkenaan dengan orang itu boleh mengandungi apa-apa jua pernyataan, dokumen, maklumat, atau apa-apa jua benda atau bahan lain, yang telah diperoleh semasa sesuatu siasatan berkenaan dengan orang itu dijalankan oleh seseorang pegawai polis di bawah seksyen 3 Ordinan bagi maksud perintah tahanan di bawah seksyen 4, atau perintah sekatan di bawah seksyen 4A, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ordinan, terhadapnya, tanpa mengambil kira bahawa pernyataan, dokumen, maklumat, atau benda lain atau bahan lain itu telah diperoleh mengikut cara yang tidak selaras dengan atau tidak mematuhi kehendak seksyen 4, dan tidaklah perlu sesuatu pernyataan diambil di bawah seksyen 4 bagi maksud laporan sedemikian berkenaan dengan orang itu, tetapi jika sesuatu pernyataan diambil di bawah seksyen 4, ia hendaklah juga dimasukkan ke dalam laporan sedemikian berkenaan dengan orang itu.

(4) Mana-mana orang yang ditahan di bawah kuasa yang diberi oleh seksyen ini hendaklah disifatkan berada dalam jagaan sah, dan boleh ditahan di mana-mana penjara, atau di mana-mana balai polis, atau di mana-mana tempat lain yang dibenarkan secara am atau secara khas oleh Menteri.

Pemeriksaan orang yang mengetahui fakta dan hal keadaan kes

4. (1) Bagi maksud memuaskan hati Menteri bahawa suatu perintah di bawah subseksyen 6(1) patut dibuat dan bagi maksud membolehkan

Menteri memberi pernyataan di bawah perenggan 9(2)(b), seseorang pegawai polis yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh mengarahkan mana-mana anggota polis berpangkat tidak rendah daripada Sarjan memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikira mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mencatatkan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Orang itu adalah terikat supaya menjawab semua soalan berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu.

(3) Seseorang yang membuat sesuatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang supaya menyatakan yang sebenarnya, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan.

(4) Seseorang pegawai polis yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai tarikh dan masa ia dibuat dan hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat dan selepas dia diberi peluang membuat apa-apa pembetulan yang dikehendakinya.

(6) Peruntukan terdahulu seksyen ini tidaklah menjejaskan peruntukan subseksyen 3(3A).

Pegawai Siasatan

5. (1) Maka hendaklah dilantik oleh Menteri secara bertulis seberapa banyak Pegawai Siasatan yang perlu bagi maksud Akta ini:

Dengan syarat bahawa seseorang pegawai polis atau seseorang yang tidak mempunyai kelayakan undang-undang tidak boleh dilantik sebagai seorang Pegawai Siasatan.

(2) Apabila diterimanya laporan di bawah subseksyen 3(3), Pegawai Siasatan hendaklah menyiasat sama ada terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang itu pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

(3) Seseorang Pegawai Siasatan boleh, mengikut budi bicaranya, bagi maksud subseksyen (2)—

- (a) menghendaki seseorang yang ditahan di bawah seksyen 3 hadir di hadapannya;
- (b) mendapatkan dan menerima semua keterangan, sama ada lisan atau bertulis dan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan keterangan atau tatacara jenayah, yang difikirkannya perlu atau dikehendaki;
- (c) memanggil dan memeriksa saksi yang telah bersumpah atau berikrar, dan boleh bagi maksud itu mengendalikan sumpah atau ikrar;
- (d) menghendaki supaya dikemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang pada pendapatnya berkaitan kepada kes itu.

(3A) Pendakwa Raya boleh hadir semasa suatu siasatan di bawah perenggan (3)(c).

(3B) Menteri boleh menetapkan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana orang atau saksi yang dipanggil atau dikehendaki hadir di bawah subseksyen (3).

(4) Seseorang Pegawai Siasatan hendaklah mengemukakan laporannya secara bertulis kepada Menteri dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Kesalahan kerana tidak hadir untuk memberikan keterangan, dsb.

5A. Bagi maksud subseksyen 5(3), mana-mana orang atau saksi yang dipanggil atau dikehendaki untuk hadir yang tanpa alasan yang munasabah gagal untuk hadir pada masa dan di tempat yang disebut dalam saman itu atau yang, setelah hadir, enggan untuk menjawab mana-mana soalan yang ditujukan secara sah kepadanya, atau enggan untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau benda yang ada dalam kuasanya untuk dikemukakan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kuasa memerintahkan tahanan dan sekatan orang

6. (1) Jika Menteri, selepas menimbangkan—

- (a) laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan di bawah subseksyen 3(3); dan
- (b) laporan Pegawai Siasatan yang dikemukakan di bawah subseksyen 5(4),

berpuas hati berkenaan dengan mana-mana orang bahawa orang itu pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa bagi kepentingan ketenteraman awam orang itu perlu ditahan, melalui perintah (kemudian daripada ini disebut “perintah tahanan”) mengarahkan supaya orang itu ditahan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

(2) Setiap orang yang ditahan menurut sesuatu perintah tahanan hendaklah ditahan di suatu tempat (kemudian daripada ini disebut “tempat tahanan”) sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dan menurut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Menteri dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 22.

(3) Jika Menteri berpuas hati bahawa bagi maksud yang disebut dalam subseksyen (1) kawalan dan pengawasan perlu dibuat ke atas

mana-mana orang atau bahawa sekatan dan syarat harus dikenakan ke atas orang itu berkenaan dengan aktivitinya, kebebasannya bergerak atau tempat kediamannya atau tempat kerjanya, tetapi tidak perlu menahan orang itu bagi maksud itu, Menteri boleh membuat perintah (kemudian daripada ini disebut “perintah sekatan”) mengenakan ke atas orang itu (kemudian daripada ini disebut “orang sekatan”) semua atau mana-mana daripada sekatan dan syarat yang berikut:

- (a) bahawa dia hendaklah tertakluk pada pengawasan polis selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun;
- (b) bahawa dia hendaklah tinggal di dalam sesebuah Negeri atau di mana-mana Wilayah Persekutuan atau mana-mana kawasanya yang dinyatakan di dalam perintah sekatan itu;
- (c) bahawa dia tidak boleh menukar kediamannya ke mana-mana kawasan lain tanpa kebenaran bertulis Ketua Pegawai Polis Negeri atau Wilayah Persekutuan yang berkenaan;
- (d) bahawa kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya oleh perintah sekatan itu, dia tidak boleh meninggalkan kawasan di mana dia tinggal tanpa kebenaran bertulis Ketua Pegawai Polis Negeri atau Wilayah Persekutuan yang berkenaan;
- (e) bahawa dia hendaklah sentiasa memastikan Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana dia tinggal tahu rumah atau tempat tinggalnya;
- (f) bahawa dia hendaklah pada waktu atau waktu-waktu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu menghadirkan diri di balai polis yang hampir sekali;
- (g) bahawa dia hendaklah berada di dalam rumah, atau di dalam kawasan sebagaimana yang ditentukan dalam perintah sekatan itu, di antara waktu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu, kecuali dia mendapat kebenaran khas sebaliknya daripada Pegawai Penjaga Daerah Polis;

- (h) bahawa kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya oleh perintah sekatan itu, dia tidak boleh memasuki mana-mana kawasan yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu;
 - (ha) bahawa dia hendaklah menggunakan hanya peralatan dan kemudahan komunikasi yang diisytiharkan kepada dan diluluskan oleh Ketua Pegawai Polis Negeri atau Wilayah Persekutuan bagi kawasan yang dia dikehendaki tinggal sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu;
 - (hb) bahawa melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perintah sekatan itu, dia tidak boleh mengakses internet;
 - (hc) bahawa hendaklah dipasang kepadanya suatu peranti pengawasan elektronik;
 - (i) bahawa dia hendaklah menjaga keamanan dan berkelakuan baik;
 - (j) bahawa dia hendaklah mengikat suatu bon, dengan atau tanpa penjamin sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dan sebanyak amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu, bagi pematuhan wajar sekatan dan syarat yang dikenakan ke atasnya oleh perintah sekatan itu.
- (3A) Orang sekatan hendaklah dihantarkan oleh polis, dan hendaklah berada dalam jagaan polis sehingga, ke tempat yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu.
- (4) Setiap perintah sekatan hendaklah terus berkuat kuasa selama tempoh, yang tidak melebihi dua tahun, sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya, dan boleh mengandungi suatu arahan oleh Menteri supaya orang yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat hendaklah mengikat suatu bon dengan atau tanpa penjamin dan dengan apa-apa jumlah wang sebagaimana yang dinyatakan bagi pematuhan wajar sekatan dan syarat yang dikenakan ke atasnya.
- (5) Sesuatu perintah tahanan di bawah subseksyen (1), atau sesuatu perintah sekatan di bawah subseksyen (3), boleh dibuat terhadap seseorang walaupun sebaik sahaja, atau pada bila-bila masa, sebelum dia ditangkap dan ditahan di bawah subseksyen 3(1)—

- (a) dia telah ditahan di bawah suatu perintah tahanan yang dibuat di bawah seksyen 4, atau telah menjadi tertakluk pada suatu perintah sekatan yang dibuat di bawah seksyen 4A, Ordinan atas alasan yang sama yang serupa kesemuanya atau sebahagian daripadanya dengan alasan yang atasnya perintah tahanan di bawah subseksyen (1) atau perintah sekatan di bawah subseksyen (3) akan dibuat terhadapnya; dan
- (b) dia telah dilepaskan daripada tahanan sama ada apabila jangka masa perintah tahanan tersebut yang dibuat di bawah seksyen 4 Ordinan terhadapnya habis tempoh, atau dengan apa-apa jua cara lain sebelum habis tempoh tersebut, atau dia telah berhenti daripada menjadi tertakluk pada perintah sekatan tersebut yang dibuat di bawah seksyen 4A Ordinan terhadapnya sama ada apabila jangka masa perintah sekatan itu habis tempoh, atau dengan apa-apa jua cara lain sebelum habis tempoh tersebut.

(6) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui notis bertulis yang disampaikan kepada seseorang yang menjadi subjek sesuatu perintah sekatan, mengubah, membatalkan atau menambah kepada apa-apa sekatan atau syarat yang dikenakan ke atas orang itu oleh perintah itu, dan sekatan atau syarat yang diubah sedemikian dan apa-apa sekatan atau syarat tambahan yang dikenakan sedemikian hendaklah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, terus berkuat kuasa bagi bahagian yang belum habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4) atau di bawah subseksyen 11A(1).

(7) Mana-mana orang sekatan yang melanggar atau tidak mematuhi apa-apa sekatan atau syarat yang dinyatakan di dalam perintah sekatannya melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarkan selama suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun dan yang tidak kurang daripada tiga tahun.

Perintah tahanan tidak menjadi tidak sah atau tidak berkuat kuasa atas alasan tertentu

6A. (1) Tiada perintah tahanan boleh menjadi tidak sah atau tidak berkuat kuasa oleh sebab—

- (a) orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan—
 - (i) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen 6(2);
 - (ii) terus ditahan selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 3 sebelum dia dipindahkan ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen 6(2), walaupun tempoh maksimum bagi penahanan sedemikian di bawah subseksyen 3(2) telah tamat; atau
 - (iii) telah semasa jangka masa perintah tahanan itu berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen 6(2); atau
- (b) perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen 6(2), atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu kepadanya.

(2) Tiada perintah tahanan baru atau perintah sekatan baru yang disebut dalam subseksyen 11B(2) boleh menjadi tidak sah atau tidak berkuat kuasa oleh sebab tiada laporan baru telah dikemukakan di bawah subseksyen 3(3) dan subseksyen 5(4) atau perintah tahanan atau perintah sekatan itu telah dibuat atas alasan yang sama seperti perintah tahanan atau perintah sekatan yang terdahulu.

Penggantungan perintah tahanan

7. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan supaya kuat kuasa mana-mana perintah tahanan digantung tertakluk pada semua atau mana-mana daripada sekatan dan syarat yang dia diberi kuasa oleh subseksyen 6(3) mengenakan melalui suatu perintah tahanan, dan tertakluk, jika Menteri mengarahkan sedemikian, kepada kehendak bahawa orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dibuat hendaklah mengikat suatu bon sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 6(4).

(2) Jika sesuatu perintah tahanan digantung sebagaimana yang tersebut dahulu, subseksyen 6(6) hendaklah berkuat kuasa seolah-olah sekatan dan syarat yang atasnya perintah tahanan itu digantung adalah sekatan dan syarat yang dikenakan oleh suatu perintah sekatan.

(3) Menteri boleh membatalkan penggantungan mana-mana perintah tahanan jika dia berpuas hati bahawa orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dibuat telah tidak mematuhi apa-apa sekatan atau syarat yang dikenakan ke atasnya atau bahawa penggantungan itu perlu dibatalkan demi kepentingan ketenteraman awam, dan dalam mana-mana hal sedemikian pembatalan penggantungan itu hendaklah memberikan kuasa yang mencukupi kepada mana-mana pegawai polis menangkap semula tanpa waran orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dibuat, dan orang itu hendaklah dikembalikan dengan seberapa segera yang praktik ke tempat tahananannya yang dahulu atau, jika diarahkan oleh Menteri, dihantar ke suatu tempat tahanan yang lain.

(4) Penggantungan mana-mana perintah tahanan sebagaimana yang tersebut dahulu, hendaklah, tertakluk pada subseksyen 6(6) sebagaimana yang terpakai melalui subseksyen (2) dan tertakluk juga pada subseksyen (3), terus berkuat kuasa bagi bahagian yang belum habis tempoh perintah tahanan yang dinyatakan di bawah subseksyen 6(1) atau subseksyen 11A(1).

Tahanan atau sekatan disifatkan telah dijalani dalam tempoh pemenjaraan

8. Jika seseorang—

- (a) yang sedang menjalani tahanan atau sekatan di bawah seksyen 6 atau 7, dihukum penjara selama apa-apa tempoh di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; atau
- (b) telah dilanjutkan tempoh tahanannya atau sekatan di bawah subseksyen 11A(1) semasa dia sedang menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan itu,

tahanan atau sekatan atau tahanan lanjut atau sekatan lanjut itu hendaklah disifatkan telah dijalani serentak dengan tempoh pemenjaraan itu, dan jika, semasa tempoh pemenjaraan itu selesai, masih ada mana-mana bahagian tempoh tahanan atau sekatan atau tempoh tahanan lanjut atau sekatan lanjut yang belum tamat dia hendaklah dikehendaki ditahan atau dikenakan sekatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, selama bahagian yang belum habis tempoh itu.

Representasi terhadap perintah tahanan

9. (1) Satu salinan setiap perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 6(1) hendaklah disampaikan kepada orang yang kepadanya perintah itu berkaitan dengan seberapa segera yang boleh selepas perintah itu dibuat, dan setiap orang yang sedemikian hendaklah berhak membuat representasi kepada suatu Lembaga Penasihat.

(2) Bagi maksud membolehkan seseorang membuat representasi di bawah subseksyen (1) dia hendaklah, pada masa disampaikan kepadanya perintah itu—

- (a) diberitahu haknya membuat representasi kepada suatu Lembaga Penasihat di bawah subseksyen (1); dan
- (b) diberi oleh Menteri suatu pernyataan bertulis—
 - (i) mengenai alasan yang atasnya perintah itu dibuat;

- (ii) mengenai pengataatan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan; dan
- (iii) mengenai butir-butir lain, jika ada, yang pada pendapat Menteri mungkin diperlukan dengan munasabahnyanya oleh orang itu untuk membuat representasinya terhadap perintah itu kepada Lembaga Penasihat.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah mengenai cara bagaimana representasi boleh dibuat dan bagi mengawal selia tatacara Lembaga Penasihat.

Laporan Lembaga Penasihat

10. (1) Jika mana-mana orang telah membuat representasi di bawah subseksyen 9(1) kepada suatu Lembaga Penasihat, Lembaga Penasihat itu hendaklah, dalam masa tiga bulan dari tarikh penerimaan representasi itu, atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, menimbangkan representasi itu dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong.

(2) Apabila menimbangkan syor Lembaga Penasihat di bawah seksyen ini, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi Menteri arahan, jika ada, sebagaimana yang difikirkannya patut mengenai perintah yang dibuat oleh Menteri dan setiap keputusan Yang di-Pertuan Agong adalah, tertakluk pada seksyen 11, muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

Kajian semula

11. (1) Setiap perintah atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen 6(1) atau (3), atau di bawah seksyen 7, atau di bawah subseksyen 11A(1) hendaklah, selama ia berkuat kuasa dan sama ada atau tidak representasi di bawah seksyen 9 telah dibuat, dikaji semula oleh suatu Lembaga Penasihat tidak lebih awal daripada dua belas bulan dari tarikh perintah atau arahan itu dan bagaimanapun juga tidak lewat daripada tiga bulan sebelum tempoh yang disebut dalam perintah atau arahan itu habis tempoh:

Dengan syarat bahawa Menteri boleh, pada bila-bila masa sepanjang tempoh tahanan atau sekatan yang dikenakan oleh perintah atau arahan itu, mengarahkan Lembaga Penasihat supaya mengkaji semula kes itu.

(2) Lembaga Penasihat hendaklah, apabila selesai membuat setiap kajian semula di bawah seksyen ini, mengemukakan kepada Menteri, sebelum tempoh tahanan atau sekatan itu habis tempoh, suatu laporan bertulis mengenai setiap kajian semula itu.

(3) Jika Lembaga Penasihat telah melaporkan bahawa pada pendapatnya tahanan atau sekatan itu patut dihentikan, Menteri hendaklah membatalkan perintah tahanan atau perintah sekatan itu.

(4) Jika Lembaga Penasihat telah melaporkan bahawa pada pendapatnya tahanan atau sekatan itu patut diteruskan, Menteri boleh meneruskan tahanan atau sekatan orang yang berkenaan.

Kuasa Menteri melanjutkan perintah tahanan, perintah sekatan, atau perintah tahanan yang digantung

11A. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa sebelum jangka masa—

- (a) suatu perintah tahanan yang dibuat di bawah subseksyen 6(1);
- (b) sesuatu perintah sekatan yang dibuat di bawah subseksyen 6(3); atau
- (c) sesuatu perintah tahanan yang digantung di bawah subseksyen 7(1) (kemudian daripada ini disebut “perintah tahanan yang digantung”),

habis tempoh, mengarahkan supaya jangka masa perintah itu dilanjutkan selama suatu tempoh selanjutnya, yang tidak melebihi dua tahun, sebagaimana yang ditentukan olehnya, bermula sebaik sahaja jangka masa semasa pada waktu itu habis tempoh, dan jika Menteri mengarahkan sedemikian dia hendaklah menyatakan dalam arahan itu alasan bagi perlanjutan itu dan menyatakan sama ada alasan itu—

- (aa) sama dengan alasan yang atasnya perintah itu dibuat asalnya;
- (bb) berlainan daripada alasan yang atasnya perintah itu dibuat asalnya; atau
- (cc) sebahagiannya alasan yang sama dan sebahagiannya alasan yang berlainan.

(2) Jika jangka masa sesuatu perintah tahanan yang digantung dilanjutkan di bawah subseksyen (1), jangka masa arahan bagi penggantungan di bawah subseksyen 7(1) hendaklah disifatkan telah dilanjutkan selama jangka masa perlanjutan perintah tahanan yang digantung itu bersama dengan sekatan dan syarat yang dikenakan berkenaan dengan penggantungan itu, tertakluk, jika Menteri mengarahkan sedemikian, kepada kehendak bahawa orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dibuat hendaklah mengikat suatu bon baru sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 6(4), dan seksyen 7 hendaklah terpakai mengenai penggantungan yang dilanjutkan itu mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai mengenai penggantungan asal di bawah subseksyen 7(1).

(3) Jika arahan di bawah subseksyen (1) bagi perlanjutan jangka masa sesuatu perintah tahanan atau sesuatu perintah tahanan yang digantung adalah atas alasan yang termasuk di bawah perenggan 1(bb) atau (cc), seksyen 9 dan 10 hendaklah terpakai mengenai arahan itu seolah-olah arahan itu adalah suatu perintah tahanan baru.

(4) Jika jangka masa sesuatu perintah tahanan, atau perintah sekatan, atau perintah tahanan yang digantung, yang dilanjutkan di bawah subseksyen (1) boleh, selepas itu, dilanjutkan lagi dari semasa ke semasa selama tempoh selanjutnya yang tidak melebihi dua tahun pada sesuatu masa, dan peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berhubung dengan setiap perlanjutan sedemikian.

Kuasa Menteri membatalkan perintah tahanan, atau perintah sekatan, atau perintah tahanan yang digantung, atau arahan bagi perlanjutan mana-mana perintah sedemikian

11B. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana perintah tahanan yang dibuat di bawah subseksyen 6(1), atau mana-mana perintah sekatan yang dibuat di bawah subseksyen 6(3), atau mana-mana perintah tahanan yang digantung, atau mana-mana arahan di bawah subseksyen 11A(1) bagi perlanjutan jangka masa mana-mana perintah sedemikian, jika difikirkannya adil atau patut berbuat demikian.

(2) Apa-apa pembatalan di bawah subseksyen (1) tidaklah menjejaskan kesahan perintah atau arahan sebelum pembatalannya atau apa-apa jua yang dilakukan di bawahnya, atau kuasa Menteri untuk membuat perintah tahanan baru di bawah subseksyen 6(1) atau perintah sekatan baru di bawah subseksyen 6(3) atau memberikan arahan baru di bawah subseksyen 11A(1) berkenaan dengan orang yang terhadapnya perintah atau arahan yang dibatalkan itu telah dibuat atau diberi.

Kajian semula kehakiman akan tindakan atau keputusan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri

11C. (1) Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara di bawah Akta ini yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu.

(2) Kekecualian mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika alasan adalah seperti yang diperihalkan dalam seksyen 6A.

Tafsiran “kajian semula kehakiman”

11D. Dalam Akta ini, “kajian semula kehakiman” termasuklah prosiding yang dimulakan dengan cara—

- (a) permohonan untuk apa-apa perintah prerogatif bagi *mandamus*, larangan dan *certiorari*;
- (b) permohonan untuk penetapan atau injunksi;
- (c) writ *habeas corpus*; dan
- (d) apa-apa guaman, tindakan atau prosiding undang-undang lain berhubungan dengan atau berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Akta ini.

Mula berkuatkuasanya seksyen 11C dan 11D

11E. (1) Seksyen 11C dan 11D hendaklah terpakai bagi apa-apa prosiding yang dimulakan dengan cara kajian semula kehakiman akan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Akta ini, sama ada prosiding yang sedemikian telah dimulakan sebelum atau selepas mula berkuat kuasanya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989 [*Akta A738*].

(2) Sebutan mengenai prosiding dalam subseksyen (1) tidaklah termasuk sebutan mengenai prosiding yang telah tamat dan yang berkenaan dengannya keputusan muktamad mahkamah telah diberi sebelum mula berkuat kuasanya Akta dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989, atau sebutan mengenai apa-apa rayuan atau apa-apa permohonan untuk rayuan terhadap keputusan muktamad sedemikian.

Kuasa memanggil saksi

12. Setiap Lembaga Penasihat hendaklah, bagi maksud Akta ini tetapi tertakluk pada seksyen 14, mempunyai semua kuasa sebuah

mahkamah bagi memanggil dan memeriksa saksi, mengendalikan sumpah atau ikrar, dan bagi memaksa pengemukaan dokumen.

Anggota Lembaga Penasihat disifatkan sebagai pekhidmat awam

13. Setiap anggota sesuatu Lembaga Penasihat dan setiap Pegawai Siasatan hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [Akta 574] dan hendaklah mempunyai, jika apa-apa tindakan atau guaman dibawa terhadapnya kerana apa-apa tindakan yang diambil atau ditinggalkan dari diambil dalam melaksanakan kewajibannya di bawah Bahagian ini, perlindungan dan keistimewaan yang sama sebagaimana yang diberikan oleh undang-undang kepada seorang Hakim dalam pelaksanaan jawatannya.

Penzahiran maklumat

14. Tiada apa pun dalam Bahagian ini atau dalam mana-mana kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya boleh menghendaki Menteri atau mana-mana anggota sesuatu Lembaga Penasihat atau mana-mana Pegawai Siasatan atau mana-mana pekhidmat awam menzahirkan fakta atau mengemukakan dokumen yang penzahirannya atau pengemukannya difikirkannya bertentangan dengan kepentingan negara.

Kuasa memerintahkan pemindahan

15. (1) Menteri boleh dengan perintah mengarahkan pemindahan mana-mana orang yang ditahan di bawah subseksyen 6(1), atau di bawah subseksyen 11A(1), dari mana-mana tempat tahanan ke suatu tempat tahanan yang lain yang dinyatakan dalam perintah itu, untuk ditahan di situ bagi seluruh atau apa-apa bahagian atau bahagian-bahagian tempoh yang telah diperintahkan supaya orang itu ditahan.

(2) Mana-mana orang yang sedang dipindahkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan berada dalam jagaan yang sah.

Kuasa memerintahkan pengemukaan orang tahanan

16. (1) Apabila dibuktikan hingga memuaskan hatinya bahawa kehadiran di mana-mana tempat mana-mana orang yang ditahan di bawah subseksyen 6(1), atau di bawah subseksyen 11A(1), atau yang dalam jagaan sah polis atau yang dikurung dalam mana-mana penjara sama ada di bawah subseksyen 6(1) atau di bawah subseksyen 11A(1), atau di bawah suatu perintah mana-mana mahkamah atau selainnya walau dengan apa cara pun, dan walau apa pun perintah mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa lain, dikehendaki demi kepentingan keadilan, atau bagi maksud apa-apa siasatan awam atau siasatan lain, atau demi kepentingan negara, atau kepentingan orang yang ditahan, yang dalam jagaan, atau yang dikurung, Menteri boleh memerintahkan supaya orang itu dibawa ke tempat itu.

(2) Mana-mana orang yang sedang dibawa ke mana-mana tempat di bawah subseksyen (1) dan semasa berada di tempat itu hendaklah diletakkan dalam jagaan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dan semasa berada dalam jagaan hendaklah disifatkan berada dalam jagaan sah.

Pendaftaran

17. (1) Pendaftar Penjenayah yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Pendaftar Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 [*Akta 7*] (kemudian daripada ini disebut “Pendaftar”) hendaklah menyimpan suatu daftar bagi maksud Akta ini, yang di dalamnya hendaklah dicatatkan nama setiap orang sekatan dan setiap orang yang mengenainya suatu perintah tahanan sedang berkuat kuasa (sama ada digantung di bawah seksyen 7 atau tidak), berserta dengan butir-butir mengenai orang itu sebagaimana yang ditetapkan, dan apabila nama dan butir-butir mana-mana orang itu telah dicatatkan dalam daftar dia hendaklah menjadi (dan kemudian daripada ini disebut) “orang berdaftar” bagi maksud Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh—

- (a) melawat mana-mana tempat yang disebut dalam subseksyen 6(2) bagi maksud mengambil cap jari dan

gambar foto mana-mana orang yang ditahan di dalamnya dan mendapatkan butir-butir lain mengenai orang itu sebagaimana yang ditetapkan atau sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan pendaftaran orang itu di bawah subseksyen (1);

- (b) melalui notis bertulis mengarahkan supaya mana-mana orang sekatan hadir di hadapannya, pada masa dan di tempat yang dinyatakan di dalam notis itu, bagi maksud mengambil cap jari dan gambar foto orang itu dan mendapatkan butir-butir lain mengenai orang itu sebagaimana yang ditetapkan atau sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan pendaftaran orang itu di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang, apabila dikehendaki oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor supaya memberikan butir-butir yang disebut dalam perenggan (2)(a) atau (b), enggan memberikan apa-apa butir itu atau memberikan apa-apa butir yang dia tahu atau mempunyai sebab mempercayai adalah palsu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda yang tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

(4) Jika mana-mana orang tidak hadir sebagaimana yang diarahkan di bawah perenggan (2)(b), pegawai polis yang mengeluarkan notis itu boleh menyebabkan dia ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis dan dibawa ke hadapannya bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen itu.

Penghapusan nama dari daftar

18. (1) Jika sesuatu perintah di bawah subseksyen 6(1) atau (3), atau sesuatu arahan di bawah subseksyen 11A(1), tamat tempoh atau dimansuhkan atau dibatalkan supaya orang yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat tidak lagi tertakluk pada apa-apa jua sekatan atau syarat, Pendaftar hendaklah menghapuskan nama orang itu dan segala catatan mengenainya dari daftar dengan serta-merta.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya, mengarahkan Pendaftar menghapuskan nama mana-mana orang dari daftar, dan selepas itu orang itu hendaklah terhenti dari menjadi orang berdaftar, melainkan jika dan sehingga namanya dicatatkan semula kemudiannya dalam daftar menurut seksyen 17.

Kesalahan oleh orang berdaftar

19. (1) Mana-mana orang berdaftar yang didapati ada bersama dengan mana-mana orang berdaftar yang lain tanpa kebenaran Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana dia tinggal melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia tidak tahu dan tidak ada sebab untuk mengesyaki bahawa orang yang didapati ada bersama dengannya itu adalah seorang orang berdaftar.

(2) Dalam subseksyen (1), “orang berdaftar” termasuklah—

- (a) mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta ini;
- (b) mana-mana orang yang mengenainya butir-butir boleh didaftar dari jenis yang disebut dalam subperenggan (b) dalam takrif “butir-butir boleh didaftar” dalam seksyen 2 Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 terkandung dalam salah satu daftar yang disebut dalam subseksyen 7(1) atau (2) Akta itu; dan
- (c) mana-mana orang yang tertakluk pada pengawasan polis di bawah seksyen 295 Kanun Tatacara Jenayah.

Penangkapan

20. Mana-mana pegawai polis boleh menangkap, tanpa waran, mana-mana orang jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu telah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 19, dan setiap kesalahan itu adalah kesalahan boleh ditangkap dan tidak boleh jamin bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah.

Peruntukan mengenai cap jari dan gambar foto

21. (1) Mana-mana pegawai polis boleh mengambil atau menyebabkan diambil cap jari dan gambar foto mana-mana orang yang namanya dikehendaki dicatatkan dalam daftar di bawah subseksyen 17(1), dan hendaklah menghantar gambar foto dan cap jari itu kepada Pendaftar dan setiap orang sedemikian adalah terikat di sisi undang-undang supaya patuh kepada pengambilan cap jarinya dan gambar fotonya, dan boleh dipaksa bagi maksud itu dengan menggunakan kekerasan, jika perlu.

(2) Mana-mana orang yang, semasa terikat di sisi undang-undang di bawah subseksyen (1) supaya patuh kepada pengambilan cap jarinya dan gambar fotonya, enggan atau tidak patuh kepadanya apabila diminta melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

(3) Jika nama mana-mana orang dihapuskan dari daftar di bawah subseksyen 18(1) atau (2), Pendaftar boleh, atas permohonan orang itu, menghantar serah kepadanya lembaran yang di atasnya cap jari orang itu telah dibuat, berserta negatif dan semua salinan apa-apa gambar foto orang itu yang telah diambil dan dihantar kepada Pendaftar di bawah seksyen ini; dan jika tiada permohonan sedemikian diterima dalam masa tiga bulan dari tarikh penghapusan itu Pendaftar hendaklah memusnahkan lembaran itu dan setiap negatif dan gambar foto itu.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

22. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1) peraturan-peraturan sedemikian boleh—

- (a) membuat peruntukan mengenai penyenggaraan dan pengurusan tempat tahanan dan mengenai disiplin dan perlakuan terhadap orang yang ditahan di dalamnya dan

peraturan-peraturan yang berlainan boleh dibuat bagi tempat tahanan yang berlainan;

- (b) menetapkan bentuk daftar dan borang sebagaimana yang perlu atau suai manfaat digunakan berkaitan dengan perkara yang diperuntukkan dalam Akta ini atau dalam mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) menghendaki semua atau mana-mana golongan orang berdaftar membawa kad pengenalan, membuat peruntukan mengenai bentuk, pengeluaran, pengemukaan, pemeriksaan, pembatalan, pengubahan, pengendorsan dan penggantian mana-mana kad sedemikian, dan penggantian kad pengenalan yang dikeluarkan kepada orang itu atau orang dari golongan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dengan kad sedemikian, dan mengenai semua perkara lain yang perlu atau suai manfaat berkaitan dengan mana-mana kad sedemikian atau mengenai membawanya atau menguatkuasakan mana-mana peraturan sedemikian, termasuk menetapkan penalti yang tidak melebihi denda lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tiga tahun atau kedua-duanya berkenaan dengan mana-mana kesalahan; dan
- (d) menetapkan apa-apa yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini.

(3) (*Dipotong oleh Akta A629*).

Perundangan subsidiari yang dibuat, dan arahan yang diberi, di bawah Ordinan mempunyai kuat kuasa di bawah Akta ini

23. (1) Semua kaedah dan peraturan yang dibuat, dan arahan yang diberikan, di bawah Ordinan dan yang berkuat kuasa sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, setakat yang ia tidak konsisten dengan peruntukan Akta ini, disifatkan telah dibuat atau diberikan di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai kuasa membuat atau memberikan kaedah, peraturan atau arahan itu di bawah Akta ini (tanpa mengambil kira sama ada kuasa di bawah Akta ini dinyatakan sebagai kuasa untuk membuat kaedah atau kuasa untuk

membuat peraturan bagi perkara yang berkenaan), dan hendaklah, oleh itu, mempunyai kuat kuasa bagi maksud Akta ini dengan semua ubah suaian yang perlu untuk menyelaraskannya dengan peruntukan Akta ini, sehingga ia digantikan dengan kaedah, peraturan atau arahan yang dibuat atau diberikan di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai kuasa membuat atau memberikan kaedah, peraturan atau arahan itu di bawah Akta ini.

(2) Pada memakai peruntukan subseksyen (1), peruntukan—

(a) proviso kepada subseksyen 4(3);

(b) proviso pertama kepada subseksyen 5(3); dan

(c) subseksyen 13G(3),

Ordinan hendaklah juga terpakai *mutatis mutandis* berhubung dengan Akta ini mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai berhubung dengan Ordinan.

Penghapusan kesulitan

24. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat peruntukan yang difikirkannya perlu atau bermanfaat untuk mengadakan peruntukan bagi menghapuskan apa-apa jua kesulitan atau anomoli dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau dalam melaksanakan apa-apa fungsi, menjalankan apa-apa kuasa, atau menunaikan apa-apa kewajipan, atau melakukan apa-apa perbuatan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang disebabkan oleh peruntukan Akta ini, dan bagi maksud itu Perintah yang sedemikian boleh membuat apa-apa jua pengubahsuaian, pemadanan, pengubahan, penukaran atau pindaan kepada mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Dalam subseksyen (1) “undang-undang bertulis” meliputi Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang disebut dengan nyata dalam Akta ini.

Akta ini tidak mengurangkan Ordinan

25. Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa yang terkandung dalam Akta ini boleh, dengan apa-apa cara jua pun, mengurangkan peruntukan Ordinan dalam pemakaiannya mengenai mana-mana orang yang pernah atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 316

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS) 1985

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
* Akta A629	Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985	18-12-1985; kecuali subs. 13(2) & 14(2): 15-06-1985
** Akta A707	Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1988	15-07-1988; kecuali s. 3: 18-12-1985
Akta A738	Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989	24-08-1989
*** Akta A766	Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990	3-04-1990; kecuali per. 3(b): 15-07-1988
† Akta A1510	Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2016	15-07-2016

*CATATAN—*Lihat* subseksyen 5(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985 [Akta A629] bagi kesan undang-undang ke atas perintah tahanan atau perintah sekatan dan *lihat* seksyen 15 dan 16 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985 [Akta A629] bagi peruntukan peralihan.

**CATATAN—*Lihat* seksyen 4 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1988 [Akta A707] bagi kesahan perintah tahanan, tahanan dan tanggung rugi.

***CATATAN—*Lihat* seksyen 5 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990 [Akta A766] bagi kesahan perintah tahanan, tahanan dan tanggung rugi.

† CATATAN—*Lihat* seksyen 7 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2016 [Akta A1510] bagi peruntukan kecualian.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 316****AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS) 1985****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A1510	15-07-2016
2	Akta A629	18-12-1985
3	Akta A629	18-12-1985
4	Akta A629	18-12-1985
	Akta A1510	15-07-2016
5	Akta A1510	15-07-2016
5A	Akta A1510	15-07-2016
6	Akta A629	18-12-1985
	Akta A766	03-04-1990
	Akta A1510	15-07-2016
6A	Akta A707	15-07-1988;
	Akta A766	13-07-1985;
		03-04-1990
7	Akta A629	18-12-1985
8	Akta A629	18-12-1985
11	Akta A629	18-12-1985
11A	Akta A629	18-12-1985
11B	Akta A629	18-12-1985
	Akta A707	18-12-1985
	Akta A766	15-07-1988
		03-04-1990
11C	Akta A738	24-08-1989
11D	Akta A738	24-08-1989
11E	Akta A738	24-08-1989
15	Akta A629	18-12-1985
16	Akta A629	18-12-1985
18	Akta A629	18-12-1985

*Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah
Pencegahan Khas)*

33

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
22	Akta A629	15-06-1985
23	Akta A629	15-06-1985
24	Akta A629	18-12-1985
25	Akta A629	15-06-1985
